

1. Tabung Haji mampu bayar dividen - Jabatan Audit***Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang***

KUALA LUMPUR: Tabung Haji (TH) mampu membayar dividen kepada pendepositnya selepas semakan terhadap penyata pendapatan syarikat itu dibuat oleh Jabatan Audit Negara (JAN).

Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang, berkata penetapan kadar dividen TH bagi tahun 2015 adalah di bawah tanggungjawab ahli lembaga pengarahnya.

"Berdasarkan semakan terhadap penyata pendapatan TH bagi tahun berakhir 31 Disember 2015 dan maklumat interim yang diterima, adalah didapati TH mampu membuat bayaran dividen kepada pendepositnya," katanya dalam kenyataan di sini, sebentar tadi.

Ambrin berkata, semakan yang dibuat oleh JAN sebelum TH mengisytiharkan dividennya adalah amalan biasa.

Katanya, ia bagi memastikan polisi perakaunan yang diguna pakai oleh TH adalah konsisten dan mematuhi konsep berhemat.

Beliau mengulas mengenai laporan media yang menyoal keupayaan TH untuk membayar dividen kepada pendepositnya dan mengaitkannya dengan semakan yang sedang dijalankan oleh JAN.

2. SKM kaji semula Akta Koperasi 1993

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sedang dalam peringkat awal kajian semula Akta Koperasi 1993 bagi membantu sektor koperasi berkembang dengan lebih maju dan berdaya saing pada masa akan datang.

Pengerusi Eksekutif SKM, Datuk Lamien Sawiyo, berkata kajian semula akta itu akan membabitkan peraturan dan undang-undang sedia ada yang akan ditambah baik mengikut perkembangan dan kesesuaian masa kini bagi sektor koperasi negara.

"Kita tidak mahu peraturan dan keperluan undang-undang yang tidak sesuai lagi dengan keadaan sekarang, kita akan ketepikan mana yang tidak sesuai, tambah baik dan memperkukuhkan mana yang perlu.

"Kajian semula akta ini turut mengambil kira kajian perkembangan koperasi yang lakukan di banyak negara, dan kita ambil pendekatan yang boleh memperkukuhkan lagi sektor koperasi negara," katanya di Melaka, hari ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata kajian semula akta berkenaan masih di peringkat awal, dan dijangka selesai sepenuhnya menjelang akhir tahun ini.

Sementara itu, katanya, SKM kini dalam peringkat akhir merangka dua pelan tindakan koperasi bagi pemborongan dan peruncitan serta pertanian dan industri asas tani yang dijangka dilancarkan bulan ini atau bulan depan.

Lamien berkata, SKM memberi penumpuan ke atas sektor berkenaan kerana ia dilihat dapat membantu mengurangkan kos sara hidup yang menjadi tumpuan kerajaan selain membantu meningkatkan pendapatan negara.

"Sektor koperasi negara turut memainkan peranan penting membantu usaha kerajaan mengurangkan masalah peningkatan kos sara hidup dalam kalangan masyarakat pada masa kini," katanya.

Beliau berkata, pelan tindakan bagi sektor hartanah, peladangan, kewangan dan pelancongan juga dijangka diperkenalkan secara berperingkat bagi menggalakkan lebih banyak koperasi di negara ini membabitkan diri dalam bidang perniagaan dan mengurangkan kos sara hidup pada masa kini.

Dalam perkembangan lain, katanya mengikut rekod hingga Jun tahun lalu, sebanyak 12,493 koperasi berdaftar di negara ini dengan jumlah keahlian seramai 7.4 juta orang, aset bernilai RM122 bilion dan perolehan berjumlah RM30 bilion.

Lamien berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 467 koperasi berdaftar di Melaka dengan jumlah keahlian seramai 192,594 orang, aset berjumlah RM386.62 juta dan perolehan berjumlah RM34 juta.

Beliau berkata, sektor koperasi di Melaka perlu memberi tumpuan pada bidang pelancongan negeri itu yang dilihat mampu membantu meningkatkan dan membuka lebih banyak peluang perniagaan kepada mereka.

"Melaka terkenal sebagai negeri pelancongan, dan pelbagai peluang perniagaan yang boleh dimanfaatkan oleh sektor koperasi di negeri ini bagi meningkatkan pendapatan mereka.

"Kita menasakkan sektor koperasi negara dapat mencapai sasaran menyumbang RM50 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar negara menjelang 2020," katanya. - BERNAMA



Khamis, 4 Februari 2016

3. 12 negara termasuk Malaysia meterai TPPA



Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) dimeterai di New Zealand oleh 12 negara anggota hari ini. Malaysia diwakili Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed. - Foto BERNAMA

AUCKLAND: Dua belas negara, termasuk Malaysia, memeterai Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik di sini pada Khamis, pakatan perdagangan yang dijangka meluaskan pasaran, mengurangkan tarif dan mempromosi perdagangan yang lebih bebas.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, menandatangani perjanjian perdagangan bebas komprehensif abad ke-21 bagi pihak Malaysia.

Pakatan perdagangan itu mewakili hampir 40 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global bernilai AS\$30 trilion.

Majlis memeterai TPPA di ibu negara New Zealand ini adalah hasil rundingan yang sukar yang mengambil masa lima tahun dan 19 pusingan rundingan.

Dua belas negara anggota TPPA ialah Australia, Brunei, Kanada, Chile, Jepun, Mexico, New Zealand, Peru, Singapura, Amerika Syarikat, Vietnam dan Malaysia.

Sebahagian besar negara berkenaan merupakan rakan dagang utama Malaysia. TPPA bermatlamat menggalakkan penyepaduan ekonomi bagi meliberalisasikan perdagangan dan pelaburan, selain merangsang pertumbuhan ekonomi serta manfaat sosial.

Lebih daripada 90 peratus manfaat ekonomi disumbangkan menerusi langkah-langkah bukan tarif yang lebih rendah.

Ia juga dijangka mewujudkan peluang-peluang baharu untuk pekerja dan perniagaan, menyumbang kepada meningkatkan taraf hidup 600 juta penduduk, memberi manfaat kepada pengguna, mengurangkan kemiskinan serta menggalakkan pertumbuhan mampan.

Selain Mustapa, ketua perunding TPPA Malaysia Datuk J Jayasiri turut hadir pada acara bersejarah itu.

Majlis pemeteraian itu yang berlangsung di Pusat Konvensyen di sini, bermula pada jam 9 pagi waktu tempatan dengan persembahan kebudayaan berwarna-warni, diikuti mesyuarat peringkat menteri sebelum majlis pemeteraian dilakukan.

Malaysia, yang menyertai TPPA pada pusingan ketiga rundingan pada Oktober 2010, bakal menyaksikan KDNK meningkat sebanyak AS\$107 bilion kepada AS\$211 bilion antara 2018-2027.

Pelaburan diunjurkan meningkat sebanyak AS\$136 bilion kepada AS\$239 bilion antara 2018-2027, sebahagian besarnya menerusi pertumbuhan pelaburan yang lebih tinggi, dalam industri tekstil, pembinaan dan perdagangan pengedaran.

4. KWSP bakal lancar dana patuh syariah sepenuhnya



TIMBALAN Ketua Pegawai Eksekutifnya (Pelaburan), Datuk Mohamad Nasir Ab Latif. - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dijangka melancarkan dana patuh Syariah sepenuhnya pada Januari 2017 sebagai pilihan kepada pencarum yang berminat menukarkan simpanan mereka kepada status patuh Syariah sepenuhnya.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutifnya (Pelaburan), Datuk Mohamad Nasir Ab Latif, berkata saiz awal dana itu dijangkakan antara RM100 bilion dan RM120 bilion.

"Dana itu akan berasaskan 'siapa cepat dia dapat' kerana saya tidak rasa kami boleh menampung semua orang.

"Kami menysasar kurang daripada RM120 bilion. Ia hanya anggaran," katanya kepada pemberita pada taklimat media di sini, hari ini.

Jumlah aset pelaburan pengurus dana itu berkembang sebanyak RM667.56 bilion pada September 2015, meningkat RM31.03 bilion bagi tempoh sembilan bulan pertama tahun berkenaan.

Pada April tahun lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengumumkan dana patuh Syariah oleh KWSP yang bertujuan mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai pemain utama dalam hab kewangan Islam.

KWSP kemudiannya mengambil khidmat perunding untuk mengkaji kemungkinan menubuhkan dana pencen sokongan negara pertama yang dikhususkan sepenuhnya kepada pelaburan patuh Syariah.

5. Malaysia kekal hab sukuk global



- Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Malaysia mengekalkan kedudukan sebagai hab sukuk dunia pada 2015, dengan menguasai 53 peratus daripada terbitan sukuk global setakat akhir tahun lalu.

Ketua Kewangan Islam RAM Ratings Sdn Bhd Bhd, Ruslena Ramli, berkata Malaysia berjaya mengekalkan kedudukan di tempat teratas meskipun berdepan pelbagai cabaran sepanjang tahun lalu.

"Ini satu penamat yang mantap bagi Malaysia, yang terpaksa berdepan dengan penurunan nilai ringgit, terbitan sukuk lebih perlahan serta kemunculan penerbit sukuk baharu dari negara lain," katanya menerusi nota penyelidikan 'Gambaran Sukuk' yang dikeluarkan oleh agensi penarafan itu.

Ruslena berkata, walaupun prestasi yang dicatatkan pada tahun lalu adalah lebih rendah berbanding 69 peratus penguasaan Malaysia dalam sukuk global pada penghujung 2014, ringgit masih kekal sebagai mata wang pilihan bagi terbitan sukuk iaitu sebanyak 39 peratus.

"Ia disusuli oleh dolar Amerika Syarikat (AS) yang menguasai 32 peratus dan rupiah dengan sembilan peratus," katanya.

Di peringkat domestik, RAM Ratings berkata nilai baki sukuk meningkat kepada RM608.5 bilion pada penghujung Disember lalu, berbanding RM595.3 bilion pada akhir November.

Jumlah baki sukuk setakat akhir 2015 merangkumi 54 peratus daripada baki pasaran sekuriti hutang di negara ini.

Daripada sejumlah RM254.2 bilion sekuriti hutang yang diterbitkan di peringkat domestik tahun lalu, RAM Ratings berkata sukuk merangkumi 45 peratus atau RM114.7 bilion.

"Terbitan terbesar sukuk pada 2015 dibuat oleh Jimah East Power Sdn Bhd melalui sukuk murabahah bernilai RM8.98 bilion," katanya.

Di peringkat pasaran sukuk global keseluruhannya, RAM Ratings berkata terdapat peningkatan dalam terbitan daripada pasaran baharu.

Katanya, negara seperti Oman dan Ivory Coast kini menyertai senarai penerbit sukuk kedaulatan yang semakin meningkat dari masa ke masa.

"Kami menjangkakan beberapa lagi pasaran baharu akan dibuka pada 2016, berdasarkan kepada minat kukuh terhadap pembiayaan sukuk dengan sejumlah penerbit sukuk berpotensi dari sub benua Afrika," katanya.

Selain Malaysia yang menguasai 53 peratus terbitan sukuk global, Negara Kerjasama Teluk (GCC) merangkumi 27 peratus daripada terbitan sukuk tahun lalu manakala baki 20 peratus lagi daripada negara lain.

Baki sukuk global pada tahun lalu keseluruhannya bernilai AS\$280.9 bilion (RM1.16 trilion).

Nota penyelidikan 'Gambaran Sukuk' dikeluarkan sebagai rujukan pantas bagi data serta arah aliran pasaran sukuk dunia.

6. Peruntukan berkurang jika gagal patuhi penjimatan - Husni



MENTERI Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah. - Foto Ahmad Irham Mohd Noor

IPOH: Kementerian yang gagal mematuhi langkah penjimatan kos belanja mengurus dalam Pengubahsuaian Bajet 2016 akan menerima kurang peruntukan tahun depan.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah, berkata Pengubahsuaian Bajet 2016 membabitkan pengurangan RM4 bilion belanja mengurus dan RM5 bilion belanja pembangunan bagi semua kementerian.

Katanya, pengurangan belanja mengurus merangkumi perjalanan, bekalan peralatan, penyelenggaraan bangunan hingga aspek makan minum ketika mesyuarat.

"Semua kementerian dimaklumkan mengenai pemotongan bajet belanja pengurusan dan Kementerian Kewangan memantau rapi segala-galanya," katanya kepada pemberita selepas menghadiri sambutan Tahun Baharu Cina di Pusat Komuniti Desa Tambun, dekat sini, sebentar tadi.

Ahmad Husni berkata, pihaknya mahu memastikan segala kelemahan dalam laporan Ketua Audit Negara diatasi.

"Saya mempengerusikan Jawatankuasa Integriti dan sudah mengarahkan tindakan diambil terhadap laporan Ketua Audit Negara.

"Kita tidak mahu dengar kelemahan berulang dan kita amat serius mengenai perkara ini," katanya.

Selain pengorbanan sektor awam, katanya, rakyat juga perlu bersatu dan bekerjasama membantu kerajaan mempertahankan ekonomi negara dalam keadaan sukar ketika ini.



Selasa, 16 Februari 2016

7. Dana 1MDB: Hasan Arifin sahkan penafian Mohd Bakke

KUALA LUMPUR: Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Datuk Hasan Arifin mengesahkan bekas Pengerusi 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Tan Sri Mohd Bakke Salleh, tidak pernah mengakui dana 1MDB sebanyak RM2.6 bilion dimasukkan ke dalam akaun Perdana Menteri.

Beliau berkata, Mohd Bakke tidak pernah mengesahkan wang berkenaan dipindahkan ke dalam akaun Datuk Seri Najib Razak ketika memberi keterangan kepada PAC di Bangunan Parlimen, di sini, Khamis lalu.

"Sebagai Pengerusi PAC, saya kesal dengan maklumat palsu disebarakan menerusi laman sosial yang mengaitkan bekas Pengerusi PAC membuat kenyataan berkenaan," katanya dalam satu kenyataan media, di sini, sebentar tadi.

Semalam, Mohd Bakke menafikan dakwaan kononnya beliau pernah menyebut wang RM2.6 bilion adalah daripada syarikat 1MDB.



Selasa, 16 Februari 2016

8. Data ekonomi stabil bantu pasaran saham Asia

TOKYO: Pasaran saham Asia dijangka mengukuhkan kenaikan hari ini apabila mata wang dan pasaran saham China menunjukkan isyarat kestabilan, harga minyak melonjak dan data perbelanjaan kukuh di Amerika Syarikat (AS) memberi petunjuk jualan besar-besaran minggu lalu sudah berakhir.

Indeks meluas MSCI saham Asia Pasifik di luar Jepun hampir tidak berubah dalam dagangan awal.

Indeks Nikkei Jepun susut 1.0 peratus selepas menokok 7.2 peratus semalam, kenaikan harian terbesar sejak 2008 apabila indeks itu pulih daripada penurunan 11 peratus minggu lalu, juga yang terbesar sejak 2008.

Semalam, saham Eropah menokok 2.9 peratus, selepas susut hampir 10 peratus sejak dua minggu lalu.

Pasaran kewangan AS ditutup sempena cuti umum negara, namun niaga hadapannya yang diniagakan di seluruh dunia meningkat 1.5 peratus.

"Ia sebahagiannya adalah reaksi selepas kejatuhan besar minggu lalu. Data AS yang kukuh juga meningkatkan sentimen pelabur memandangkan mereka mempertaruhkan pertumbuhan AS untuk menerajui ekonomi global," kata Ketua Ahli Strategi Global Daiwa Securities, Hirokazu Kabeya.

Data jualan runcit AS yang dikeluarkan Jumaat lalu menunjukkan pertumbuhan kukuh yang meredakan kebimbangan buat masa sekarang, bahawa ekonomi AS mungkin terjerumus ke dalam kemelesetan apabila beberapa negara di dunia mengalami pertumbuhan perlahan. - Reuters



Jumaat, 19 Februari 2016

9. Kos operasi bersih bauksit ditanggung pelombong

KUANTAN: Kos pembersihan dilakukan Jabatan Bomba dan Penyelamat Pahang di kawasan terjejas oleh perlombongan bauksit ditanggung oleh pihak pelombong.

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat, Datuk Mohd Nor Ibrahim, berkata perkara itu dipersetujui oleh pihak pelombong pada mesyuarat bersama-sama agensi kerajaan yang terbabit dalam operasi berkenaan.

"Untuk Jabatan Bomba sebanyak RM63,470 digunakan bagi kerja pembersihan sepanjang 84 kilometer yang membabitkan 170 anggota berkenaan.

"Kos ini membabitkan minyak, air, makan minum anggota, peralatan dan sebagainya," katanya selepas majlis penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Jabatan Bomba Dan Penyelamat Pahang kepada 73 penerima serta 10 anggota lagi menerima sijil perkhidmatan 30 Tahun.

Operasi pembersihan kawasan yang terjejas akibat perlombongan bauksit bermula 14 Januari hingga 13 Februari lalu, selaras dengan arahan yang dikeluarkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Turut terbabit dalam operasi itu Majlis Perbandaran Kuantan (MPK), Alam Flora Sdn Bhd dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) yang membabitkan kerja pembersihan papan tanda, papan tunjuk arah, tiang lampu dan termasuk pencucian permukaan jalan.

Secara keseluruhan operasi pembersihan jalan raya terjejas teruk adalah di Jalan Kuantan-Pelabuhan, Jalan Bukit Goh, Jalan Bukit Kuantan, Jalan Sungai Lembing, Jalan Kuantan Bypass, Jalan Gebeng Bypass, Jalan Jerangau-Jabor dan Jalan Bukit Sagu-Cherul.

Mohd Nor berkata berdasarkan laporan yang diterima, operasi pembersihan yang dilakukan itu mendapat penghargaan daripada orang ramai serta pemimpin setempat.

Beliau turut melakukan tinjauan di sekitar kawasan pembersihan bauksit di beberapa lokasi sekitar Bukit Goh di sini, semalam. - BERNAMA



Jumaat, 19 Februari 2016

10.8 hospital baharu dibina guna sistem IBS – JKR



KUALA LUMPUR: Jabatan Kerja Raya (JKR) mengesahkan lapan hospital dan klinik yang sedang dalam perancangan untuk dibina tahun ini akan menggunakan kaedah Sistem Pembinaan Industri atau

Industrialized Building System (IBS) yang lebih menjimatkan kos, cepat dan kurang penggantungan kepada tenaga buruh asing.

Ketua Pengarah, Datuk Ir Adanan Mohamed Hussain, berkata empat hospital dan klinik yang sedang dibina itu ialah di Lawas, Sri Aman, Dungun dan Petrajaya.

Beliau berkata, empat hospital yang di peringkat perancangan pula ialah di Pendang, Maran, Parit Buntar dan Sri Iskandar.

"Menerusi pelaksanaan berkesan dan konsisten kaedah IBS ini, adalah diharapkan majoriti komponen daripada elemen struktur, mekanikal dan elektronik yang digunakan akan lebih efektif.

"Komponen arkitektural boleh dipasang di luar tapak pembinaan dan akan dibawa ke tapak untuk dipasang hanya oleh pekerja mahir dan terlatih. Perkara ini dalam jangka panjang dapat menghapuskan penggantungan kepada tenaga buruh asing," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di pelancaran awal Healthcare Build Environment Asia Conference and Exhibition (hbe.asia) di Kuala Lumpur pagi tadi. Hbe.asia adalah platform pelbagai disiplin berkaitan penjagaan kesihatan pertama di negara ini.



Isnin, 22 Februari 2016

11. MRT Corp sasar 45 peratus nilai projek SSP untuk kontraktor Bumiputera



TREN yang akan digunakan MRT Corp bagi laluan MRT.

KUALA LUMPUR: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) menyasarkan sekurang-kurangnya 45 peratus nilai kerja bagi projek MRT Laluan Dua Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) akan diagihkan kepada kontraktor Bumiputera.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Shahril Mokhtar, berkata Laluan SSP akan mengandungi 66 pakej kerja yang sudah diluluskan, yang mana 37 daripadanya disasar diagihkan kepada kontraktor Bumiputera.

Beliau berkata, Laluan Pertama Sungai Buloh-Kajang (SBK) yang dijangka mula beroperasi Disember depan pula, mengandungi 84 pakej secara keseluruhannya, yang mana 23 daripadanya dianugerahkan kepada kontraktor Bumiputera.

"Anggaran kos keseluruhan projek bagi Laluan SBK adalah RM23 bilion, dengan 43 peratus diraih kontraktor Bumiputera. Ini satu jumlah yang agak besar, termasuk bagi kerja bawah tanah dan sebagainya.

"Bagi Laluan SSP, kami menyasarkan angka lebih tinggi dan saya yakin sasaran berkenaan boleh dicapai. Jika Laluan SBK membabitkan 43 peratus, Laluan SSP menyasarkan minimum 45 peratus adalah bagi kontraktor Bumiputera," katanya dalam temubual bersama wartawan kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) di sini, baru-baru ini.

MRT Corp adalah syarikat milik penuh Menteri Kewangan (Diperbadankan) dan ditubuhkan untuk tujuan memajukan dan memiliki aset projek MRT.

Shahril berkata, agenda Bumiputera yang dilaksanakan oleh MRT Corp juga akan menyaksikan syarikat itu tidak hanya akan memberikan perhatian kepada kontraktor Bumiputera kelas A semata-mata.

Malah, katanya, jika dilihat kepada Laluan SBK, ada juga bahagian untuk kontraktor kecil iaitu sub-kontrak yang terdiri daripada kontraktor kecil Bumiputera kelas G1 hingga G4 serta G5 hingga G6 yang keseluruhannya bernilai RM300 juta.

"Kami menyasarkan untuk meningkatkan jumlah kontrak untuk kontraktor kecil kepada RM900 juta (bagi Laluan SSP) dan mempunyai perancangan bagi mencapai sasaran berkenaan.

"Sebagai contoh, bagi kerja bawah tanah laluan SSP, salah satu syarat kepada pembida adalah mereka perlu memperuntukkan minimum RM300 juta khusus kepada kontraktor kecil," katanya.

Beliau berkata, MRT Corp juga akan mengekalkan elemen Bumiputera bagi tender ruang komersial yang akan dibuka tidak lama lagi.

Mengenai kos keseluruhan Laluan SSP, Shahril berkata nilainya hanya akan boleh diketahui apabila MRT Corp selesai menganugerahkan semua kontrak kerjanya kelak.

Katanya, sama seperti Laluan SBK, MRT Corp mempunyai bajet bagi projek MRT, namun ia bukanlah kos sebenar yang disasarkan.

"Kos ditentukan sebaik saja kontrak diberikan. Bagi Laluan SBK, kos disasarkan adalah RM23 bilion, sehingga kini kontrak yang telah dianugerahkan adalah berjumlah RM22 billion, membolehkan RM1 bilion digunakan sebagai penampungan.

"Kami juga mempunyai bajet luar jangka 15 peratus daripada jumlah kontrak keseluruhan. Namun, saya yakin semuanya (perancangan Laluan SSP) akan mengikut kos yang disasarkan," katanya.

Shahril berkata, secara dasarnya MRT Corp mempunyai bajet bagi Laluan SSP, tetapi nilai sebenarnya masih belum dimuktamadkan dan ia bergantung kepada perbincangan dalaman.

Namun, tegasnya, bajet yang diperuntukkan bagi Laluan SSP adalah lebih tinggi berbanding Laluan SBK memandangkan jarak laluan yang lebih panjang serta mengambil kira kenaikan kos pekerja, bahan mentah serta tukaran asing.

"Perlu juga difahami, Laluan SBK membabitkan kos RM22 bilion bagi 51 kilometer (km) termasuk 9.5 km laluan bawah tanah, dengan sebahagian besar belanja adalah bagi kerja bawah tanah yang menelan kos RM8.6 bilion," katanya.

Laluan SSP mempunyai jarak sejauh 52.2 kilometer dengan laluan bawah tanah sepanjang 13.5 kilometer serta 37 stesen.

12. Bank Malaysia dijangka kekal berdaya tahan - S&P's



SINGAPURA: Bank-bank Malaysia dijangka masih berada dalam keadaan operasi yang sukar pada tahun ini, menurut Standard & Poor's Ratings Services (S&P's) hari ini.

Pertumbuhan ekonomi yang perlahan, diburukkan lagi dengan permintaan lemah di China dan penurunan harga komoditi telah mempengaruhi sentimen perniagaan dan pengguna, kata syarikat penarafan itu.

Bagaimanapun, S&P's percaya sektor perbankan di Malaysia akan kekal berdaya tahan.

"Penarafan bank akan terus disokong oleh paras modal yang kukuh, serta pembiayaan dan profil mudah tunai yang mantap.

"Langkah pengawalseliaan yang mengandungi hutang isi rumah dan harga hartanah juga terbukti berkesan dalam menguruskan ketidakseimbangan ekonomi dan gelembung harga," kata Penganalisis Kreditnya Ivan Tan.

S&P's berkata pertumbuhan pinjaman dalam sektor perbankan Malaysia mungkin sederhana kepada 6.0 peratus hingga 8.0 peratus pada tahun ini (purata lima tahun 10 peratus) berikutan ketidaktentuan luaran mengenai kenaikan kadar Fed AS dan pengimbangan semula ekonomi di China.

"Kami mengunjurkan peningkatan secara berperingkat dalam pinjaman tidak berbayar (NPL) kepada 2.0 peratus-2.5 peratus dalam tempoh dua tahun akan datang, daripada 1.6 peratus dalam laporan terkini Bank Negara Malaysia bagi November 2015.

"Kemerosotan ini dijangka terkawal, memandangkan NPL daripada asas yang rendah. Selain itu, rizab kerugian pinjaman adalah kukuh pada 97 peratus daripada pinjaman susut nilai sehingga November 2015.

"Pada pandangan kami, asas kredit bank-bank Malaysia akan kekal stabil bagi tempoh 18-24 bulan akan datang. Permodalan dan mudah tunai sistem perbankan yang mencukupi menyediakan landasan yang kukuh untuk menghadapi tekanan penurunan," kata Tan.

S&P's menerbitkan laporan terkininya, bertajuk "Prospek Perbankan Malaysia 2016: Bank Kekal Berdaya Tahan Walaupun Hadapi Cabaran Ekonomi" (Malaysia Banking Outlook 2016: Banks To Remain Resilient Despite Economic Road Bumps), hari ini. - BERNAMA



Selasa, 23 Februari 2016

13. Fitch Ratings: Bukti struktur ekonomi Malaysia berdaya tahan



GABENOR, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz. - Foto Aizuddin Saad

KUALA LUMPUR: Bank Negara Malaysia (BNM) menyifatkan penarafan Tinjauan Stabil yang diberikan oleh Fitch Ratings menunjukkan bahawa Malaysia mempunyai struktur ekonomi yang berdaya tahan walaupun berdepan dengan situasi ekonomi mencabar.

Gabenor, Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, berkata penarafan itu adalah sesuatu yang positif untuk negara dalam suasana ketidaktentuan ketika ini berikutan persekitaran sudah menjadi semakin mencabar.

"Apa yang Malaysia akan tunjukkan ialah kita mempunyai tahap ketahanan tinggi. Walaupun dalam persekitaran sangat mencabar, kita bakal membuktikan bahawa dengan dasar dan pendekatan tertentu yang kita laksanakan, ia telah meletakkan kita dalam situasi yang begitu baik untuk menghadapi cabaran terbabit," katanya.

Fitch Ratings hari ini mengesahkan penarafan Kemungkinan Penerbit (IDR) mata wang tempatan dan asing jangka panjang Malaysia masing-masing kekal pada `A-' dan 'A' dengan Tinjauan Stabil.

Turut disahkan adalah penarafan terbitan bon mata wang tempatan tidak bercagar senior pada 'A'. Country Ceiling, iaitu risiko modal dan kawalan tukaran asing, disahkan pada 'A' dan Mata Wang Asing Jangka Pendek IDR pada 'F2'.

Sementara itu, mengulas kaji selidik Barometer Edelman Trust yang mendapati kehilangan kepercayaan orang ramai terhadap perniagaan dan institusi tempatan, Zeti berkata, perkara itu tidak meluas sehingga membabitkan BNM.

Beliau berkata, bank pusat itu adalah penting dalam menjana prestasi ekonomi negara dan memastikan bahawa sistem perbankan tempatan adalah lancar dan tanpa gangguan.

"Saya percaya majoriti rakyat Malaysia mempunyai kepercayaan dan rasa hormat terhadap bank pusat dan berharap kepada kami untuk mengekalkan kestabilan negara dalam suasana yang mencabar ini," katanya.

"Hakikatnya, kita tidak pernah mempunyai gangguan dalam aliran kredit. Ini penting kerana perniagaan tidak terganggu oleh aktiviti kredit, tidak seperti di tempat lain di mana aliran kredit terganggu dan mudah tunai tidak diberikan dengan cara yang memuaskan," katanya.



Rabu, 24 Februari 2016

14. TPPA: PKS sudah dipersiapkan hadapi pembukaan pasaran

KUALA LUMPUR: Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) negara sudah dipersiapkan bagi menghadapi persaingan dan pembukaan pasaran lebih meluas berikutan pelaksanaan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA).

Ketua Pegawai Eksekutif SME Corporation Malaysia (SME Corp), Datuk Dr Hafsah Hashim, berkata mulai tahun 2010 lagi, pihaknya sudah berusaha mempersiapkan PKS untuk menghadapi persaingan dan pembukaan pasaran berikutan penyertaan Malaysia dalam Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) yang mana kira-kira 99 peratus produk PKS negara sudah tarif sifar.

Beliau berkata, pelaksanaan TPPA sekadar memperluaskan lagi skop itu dan SME Corp berharap PKS negara juga berupaya mengambil peluang yang terdapat dalam kalangan negara ahli TPPA.

"Dalam TPPA, antara perkara yang menjadi tumpuan negara anggotanya termasuk Malaysia bagi PKS ialah dalam membina kapasiti komuniti perniagaan dan ia penting bagi memastikan PKS bersedia dengan sebarang cabaran apabila TPPA dilaksanakan kelak," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis apresiasi Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di sini.

TUBE adalah satu daripada inisiatif SME Corp dalam menyokong usaha kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) untuk melonjakkan pendapatan golongan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) dan membantu mewujudkan usahawan berjaya dalam kalangan belia.

Program itu yang dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 29 Mac 2014 telah memberikan impak positif kepada peserta yang terbabit yang mana daripada 448 belia Bumiputera yang menyertai TUBE kumpulan pertama, 99 peratus sudah memulakan perniagaan dengan jumlah keseluruhan nilai jualan tahunan terkumpul tahun 2015 yang berjaya dijana mencecah RM17.8 juta.

Usahawan TUBE sehingga kini juga sudah berjaya mewujudkan sejumlah 848 peluang pekerjaan.



Jumaat, 26 Februari 2016

15. CGC sasar lulus pinjaman RM4 bilion tahun ini

KUALA LUMPUR: Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd (CGC) menyasarkan untuk meluluskan sebanyak 8,650 kemudahan pinjaman bernilai RM4 bilion pada tahun ini walaupun berdepan keadaan ekonomi yang mencabar ketika ini.

Presiden yang juga Ketua Pegawai Eksekutifnya, Mohd Zamree Mohd Ishak, berkata sasaran itu akan dicapai terutamanya melalui pakatan strategik dengan institusi kewangan melalui portfolio dan jaminan borong serta skim perkongsian risiko lain.

Katanya, CGC kekal optimis ada peluang untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) meneruskan perniagaan meskipun ketika situasi mencabar.

"Saya ambil beberapa contoh misalnya, kita lihat ada peluang untuk menyediakan pembiayaan kepada kontraktor kecil yang melakukan kerja sub kontraktor dalam projek MRT Laluan 2, Lebuhraya Pan Borneo dan hab halal.

"Tahun lalu, kita sudah meluluskan 8,225 kemudahan pinjaman yang bernilai RM3.4 bilion," katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran Program Latihan Graduan (GTP) di sini, hari ini.

Majlis itu disempurnakan oleh Timbalan Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani.

Turut hadir, Pengerusi CGC, Datuk Agil Nat.

Pada majlis itu, seramai 10 graduan menganggur terpilih untuk menyertai GTP bagi menimba pengalaman dan latihan kemahiran kerja yang mana adalah program tanggungjawab sosial korporat (CSR) CGC.

Mengenai majlis itu, Zamree berkata, GTP itu akan membabitkan tiga fasa iaitu pengetahuan asas perniagaan serta produk CGC dan seterusnya terbabit dalam aktiviti jualan dan pemasaran.

"Kemudian, kita akan memberi nasihat kepada graduan ini apakah pilihan sesuai sama ada ke organisasi lain atau terbabit dalam perniagaan selepas mereka melengkapkan latihan selama 12 bulan," katanya.

Sementara itu, Johari berharap sebahagian besar graduan itu akan mula berfikir menjadi usahawan selepas menamatkan latihan mereka.



Jumaat, 26 Februari 2016

16. Tiada kompromi pembocor rahsia kerajaan

Apa perlu ditakutkan? Hanya individu berniat negatif dan buruk sahaja 'risau' dengan cadangan pindaan Akta Rahsia Rasmi 1971 (pindaan 1986), sedangkan setiap akta dipinda mengikut kesesuaian masa dan keperluan supaya hukuman lebih berat boleh dikenakan terhadap mana-mana pihak yang membocorkan rahsia negara.

Rasionalnya, dengan hukuman berat diharap kegiatan membocor maklumat sesuka hati tidak akan terlepas begitu sahaja dan kegiatan negatif ini dapat dibendung.

Segelintir individu, seperti tidak gentar dengan akta atau undang-undang sehingga membocorkan maklumat rasmi yang boleh mengancam ketenteraman dan keselamatan. Mereka menyebarkan surat atau dokumen yang belum disahkan pihak berwajib, hingga menjadi 'viral' dalam media sosial. Apatah lagi dengan kepelbagaian kecanggihan teknologi alam maya melalui media sosial, wujud 'wartawan' dalam blog tertentu yang menjadi medium pembocor rahsia rasmi.

Sesetengahnya mencabar kewibawaan akta sedia ada. Ibarat melempar batu, sembunyi tangan dan sikap enggan mendedahkan sumber boleh dianggap bekerjasama dengan pihak yang sengaja mensabotaj kerajaan. Wujud pula tindakan terancang menjatuhkan imej dan reputasi agensi, jabatan dan kementerian demi laba politik. Cara mereka berkarya dalam media sosial amat jelas bertentangan dengan Akta Rahsia Rasmi dan boleh didakwa.

Menurut Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali, pindaan itu antara lain mencadangkan hukuman penjara seumur hidup dan 10 sebatan dikenakan ke atas pesalah. Malah, di sesetengah negara, tindakan membocor rahsia rasmi adalah satu kesalahan berat seperti di China, sehingga membawa hukuman mati.

Tindakan tegas

Pindaan ini membabitkan tindakan pendakwaan terhadap mana-mana pengamal media yang enggan mendedahkan sumber dengan berselindung di sebalik alasan menjaga etika kewartawanan.

Undang-undang Malaysia Akta A660, Akta Rahsia Rasmi (Pindaan) 1986, mentafsirkan 'rahsia rasmi' adalah apa-apa suratan dan apa-apa maklumat dan bahan berhubungan dengannya dan termasuk apa-apa suratan rasmi, maklumat dan bahan lain sebagaimana yang boleh dikelaskan sebagai 'Rahsia Besar,' 'Rahsia,' 'Sulit' atau 'Terhad,' mengikut mana yang berkenaan oleh seorang Menteri, Menteri Besar atau Ketua Menteri sesuatu negeri atau mana-mana pegawai awam yang dilantik di bawah seksyen 2B.

Asas penggubalan Akta Rahsia Rasmi 1972 bertujuan menjaga keselamatan negara, pertahanan dan hubungan antarabangsa. Anggota dan kakitangan kerajaan, sama ada dalam pentadbiran pusat dan negeri sudah memahami maksud 'rahsia' terutama sewaktu mengangkat ikrar perkhidmatan.

Kerja 'orang dalam'

Namun, berlaku insiden di beberapa agensi kerajaan membabitkan kebocoran maklumat dikaitkan dengan 'orang dalam' yang memberi, menyebarkan dan memanjangkan maklumat kepada pihak berkaitan.

Di pihak lain pula, warga media seperti wartawan, editor, penolong editor dan ketua editor, terikat dengan Akta Rahsia Rasmi berkenaan. Sesuai kata-kata wartawan veteran, A Samad Ismail, seorang wartawan sebelah kakinya terikat di penjara, manakala satu kaki bergerak untuk berkarya.

Ini membuktikan bahawa mereka yang bekerja dalam dunia kewartawanan terdedah dengan pelbagai akta yang melingkari kerjayanya. Mereka tidak boleh sebebarnya menulis apa sahaja yang terlintas di

benak pemikiran. Maka, sudah tentu mereka memahami untuk memilih langkah positif dan mengamalkan kewartawanan pembangunan demi pembentukan bangsa yang bermaruah.

Buat masa ini, Akta Rahsia Rasmi memperuntukkan hukuman antara setahun hingga tujuh tahun penjara ke atas mana-mana individu yang didapati membocor dan menyebarkan rahsia rasmi kerajaan. Pada masa sama, mana-mana individu yang melindungi pihak melakukan kesalahan di bawah akta itu juga boleh diheret ke muka pengadilan.

Sampai masanya pihak berwajib dan kerajaan tidak lagi berkompromi terhadap perbuatan pihak tertentu mendedahkan dokumen atau maklumat yang boleh mengancam keselamatan serta keamanan negara. Tindakan yang berleluasa pada masa ini merosak dan merasuk pemikiran rakyat.

Pelaksanaan pindaan ini amat penting bagi membendung pihak tertentu mengambil kesempatan memutar belit sesuatu maklumat. Sesuai amalan antarabangsa, setiap negara ada kerahsiaan tersendiri. Rancangan, program dan dasar dibuat sesebuah negara perlu ada perancangan teliti untuk membangunkan negara dan sesetengah dokumen adalah kerahsiaan yang perlu dilindungi.

Malaysia mempunyai banyak akta dan undang-undang bagi memastikan kerahsiaan dan pelbagai aspek keselamatan dokumen utama negara tidak bocor kepada pihak tertentu. Namun, punca utama adalah pelaksana dan pihak yang dipertanggungjawab memastikan kerahsiaan terpelihara.

Maka, pindaan Akta Rahsia Rasmi ini diharap bukan sebagai dokumen semata-mata, yang lebih penting adalah penguatkuasaan menyeluruh.

Jika pihak kerajaan serius menangani masalah kebocoran rahsia rasmi, mungkin ramai yang boleh didakwa dengan menguatkuasakan akta sedia ada.

17. MARA buat tawaran jualan dua hartanah di London pada harga rujukan RM176.04 juta*Atelier EC1*

KUALA LUMPUR: Majlis Amanah Rakyat (MARA) membuat tawaran untuk menjual dua daripada tiga hartanah miliknya, menerusi MARA Inc, di London iaitu Atelier EC1 dan Ahsley Hotel pada harga rujukan STG30 juta (RM176.04 juta).

Untuk tujuan itu, agensi pembangunan usahawan Malaysia itu sudah melantik ejen hartanah terkemuka London, Colliers International, sebagai pelaksana urusan penjualan berkenaan.

Tawaran jualan dua hartanah berkenaan juga sudah dimuat naik dalam laman web Collier Property UK, yang menjemput pembeli yang berminat untuk meletakkan harga masing-masing.

Majalah hartanah, Property Week UK, baru-baru ini melaporkan MARA menetapkan harga rujukan jualan STG17 juta (RM99.75 juta) bagi apartmen mewah Atelier EC1, yang terletak di 30 Greville Street, London.

Sementara itu, bagi Ashley Hotel di 13-17, Norfolk Square, Paddington, London, agensi kerajaan itu meletakkan harga rujukan STG12.5 juta (RM73.35 juta). Kedua-dua hartanah berkenaan dibeli oleh MARA pada 2010 dan 2011.

Pegawai MARA yang dihubungi enggan mengulas mengenai perkara itu kerana ia masih dalam peringkat rundingan urus niaga.

Bagaimanapun, beliau berkata, langkah itu selaras saranan kerajaan supaya syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC), termasuk syarikat swasta serta agensi kerajaan, digalakkan menzahirkan keuntungan daripada pelaburan di luar negara untuk dilaburkan dalam projek yang mempunyai nilai pengganda di negara ini.



Ashley Hotel

Galakan itu diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, pada September lalu sebagai antara langkah proaktif bagi melindungi ekonomi sebenar negara daripada kesan risiko penyederhanaan ekonomi dunia ketika ini.

Difahamkan MARA bakal meraih keuntungan keseluruhan termasuk keuntungan tukaran asing melebihi RM30 juta bagi kedua-dua hartanah berkenaan.

Pada Julai tahun lalu, Pengerusi MARA, Tan Sri Annuar Musa dilaporkan berkata, agensi itu memutuskan untuk tidak lagi membuat pelaburan dalam hartanah di luar negara dan akan menjual aset yang dibelinya sebelum ini jika mendapat tawaran yang menguntungkan.

Tujuan penjualan aset berkenaan, jelas beliau, adalah bagi melunaskan pinjaman ketika membeli empat hartanah sebelum ini, yang membabitkan pinjaman dari WestPac Bank dan National Bank of Abu Dhabi.

MARA ketika ini memiliki tiga hartanah premium di London iaitu Atelier EC1, Ashley Hotel dan Beaumont House di Bayswater, London.

Ashley Hotel yang dibeli pada Oktober 2010 adalah hartanah pegangan bebas merangkumi bangunan enam tingkat yang dibina sekitar tahun 1840-an. Ia adalah antara hartanah di Norfolk Square Gardens yang telah ditukar dari kediaman menjadi hotel pelancongan kecil.

Atelier EC1 pula, dibeli pada Disember 2011, adalah apartment mewah hartanah pegangan bebas yang memiliki bangunan tujuh tingkat dengan ruang komersial di atas tanah dan bawah tanah lantai. Ia dibina di pusat bandar London dalam kawasan yang dikenali sebagai " Jewellery Quarter" pada 2007.

MARA turut memiliki empat hartanah mewah di Australia iaitu 7-13 Dudley Street, Caulfield East, Melbourne; 333 Exhibition Street, Melbourne; 51 Queen Street, Melbourne dan 746 Swanston Street, Carlton, Melbourne.



Ahad, 28 Februari 2016

18. JAKIM perlu keluar pekeliling rasmi syarat pelabelan

BANGI: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) perlu mengeluarkan standard dan peraturan atau pekeliling rasmi mengenai larangan penggunaan terma 'ayat rugyah dan makanan sunnah' dalam pelabelan produk dijual di pasaran di negara ini.

Sumber Bahagian Penguatkuasaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, berkata jika JAKIM berbuat demikian, sebarang pelanggaran larangan atau prosedur berkenaan adalah tertakluk di bawah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

Beliau berkata, individu yang melanggar peraturan itu boleh dikenakan hukuman denda sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya bagi kesalahan kali pertama dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya didenda sehingga RM250,000 atau dipenjarakan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

"Bagi syarikat atau pertubuhan perbadanan pula, boleh didenda sehingga RM200,000 bagi kesalahan pertama dan bagi kesalahan yang kedua atau yang berikutnya, didenda sehingga RM 500,000," katanya ketika dihubungi BH, di sini hari ini.

Berikutan itu juga, katanya, JAKIM atau Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) perlu bekerjasama KPDNKK secara konsisten menjalankan pemeriksaan bagi menentukan kesahihan ungkapan, perbahaasan, logo dan sijil halal yang digunakan itu.



جايتم كمالوان اسلام مليسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

19. Industri halal diperkukuh - Mustapa

MENTERI Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Mustapa Mohamed. - Foto Yazit Razali

KUALA LUMPUR: Kerajaan berusaha untuk memperkukuhkan agenda 'pengantarabangsaan' industri halal tempatan sebagai usaha mengangkat kepimpinan Malaysia dalam industri berkenaan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata fokus utama dalam usaha berkenaan ialah menarik lebih banyak pembabitan syarikat tempatan khususnya Bumiputera untuk menjadi pengeksport dan pelabur ke luar negara.

"Kita mahu jenama Malaysia berada di barisan hadapan. Satu daripada keutamaan kita adalah untuk 'mengantarabangsakan' industri halal bagi merealisasikan Malaysia sebagai hab halal pada peringkat global.

"Selain itu, agenda pemerksaan Bumiputera juga amat penting untuk memastikan inklusiviti dalam pembangunan negara," katanya pada sidang media selepas Forum Pembabitan Bumiputera dan Industri Halal di Kuala Lumpur, hari ini.

Forum sehari itu anjuran MITI dan Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC), yang dihadiri kira-kira 1,200 peserta, termasuk wakil agensi kerajaan, usahawan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi turut hadir menyampaikan ucapan dan menutup forum berkenaan.

Mustapa berkata, usaha untuk meningkatkan pembabitan syarikat milikan usahawan Malaysia dalam pembangunan industri halal adalah penting kerana ia akan memberi impak menyeluruh kepada ekonomi, selain dikenal pasti sebagai sumber baharu kepada pembangunan ekonomi negara.

Terdahulu dalam ucapannya, beliau berkata, strategi pembangunan industri halal untuk tempoh ini juga tertumpu kepada peningkatan daya saing, menggalakkan inovasi dan kreativiti serta melaksanakan pembangunan secara pragmatik.

"Di bawah Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11), industri halal terus diberi pengiktirafan oleh kerajaan. Pelan pelaksanaannya telah diperkembangkan, yang mana industri halal terus diberi penekanan kerana potensi pasaran globalnya sangat meluas dan permintaan yang sentiasa meningkat.

"Oleh kerana industri halal juga merentasi peranan pelbagai kementerian dan agensi kerajaan, program dan aktiviti berkaitan halal yang dilaksanakan juga perlu diselaraskan," katanya.

Katanya, bagi mempercepatkan pencapaian objektif yang ditetapkan di bawah Pelan Induk Industri Halal, jemaah menteri, baru-baru ini juga mempersetujui supaya HDC menjadi agensi peneraju kepada semua program, inisiatif dan maklumat berkaitan pembangunan industri halal di Malaysia.

"Sebagai badan pelaksana, peranan utama HDC tertumpu kepada merancang, menyelaras, memantau dan melaporkan mengenai kedudukan pembangunan industri halal secara menyeluruh kepada kerajaan serta menjadi sumber rujukan pertama bagi sebagai program atau inisiatif yang dijalankan," katanya.

Negara merekodkan RM42 bilion produk halal yang dieksport tahun lalu dan sembilan peratus daripadanya disumbangkan oleh syarikat Bumiputera.



Isnin, 29 Februari 2016

20. PETRONAS raih pendapatan RM247.7b pada 2015



KUALA LUMPUR: Petroliam Nasional Bhd (PETRONAS) menutup tahun 2015 dengan pendapatan dan untung bersih lebih rendah di tengah-tengah persekitaran tekanan harga minyak dan aset bersih yang terjejas.

PETRONAS merekodkan pendapatan RM247.7 bilion, jatuh 25 peratus berbanding RM329.1 bilion yang dicatatkan pada tahun kewangan sebelumnya.

Keuntungan bersih syarikat minyak negara turut susut kepada RM39.8 bilion, jatuh 42 peratus daripada RM69.2 bilion sebelumnya.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Datuk Wan Zulkiflee Wan Ariffin, berkata prestasi kurang memberangsangkan itu disebabkan kejatuhan harga minyak pada harga purata AS\$52.46 setong daripada purata AS\$98.99 setong tahun sebelumnya.

"Walaupun berdepan persekitaran yang mencabar tahun lalu, PETRONAS masih lagi mencatat keuntungan walaupun ia susut mendadak," katanya pada taklimat media prestasi kewangan 2015 PETRONAS di sini, sebentar tadi.

Bagi suku keempat 2015, pendapatan PETRONAS turut mengecil kepada RM60.1 bilion, jatuh 24 peratus daripada RM79.4 bilion bagi tempoh sama tahun sebelumnya.

Keuntungan syarikat petroleum negara itu juga susut kepada RM9.9 bilion pada suku dikaji daripada RM12.5 bilion tahun sebelumnya.